CUKAI TANAH PULAU PINANG 2026

TARIKH KUATKUASA

1 JANUARI 2026

PENTADBIRAN TANAH
NEGERI PULAU PINANG

KANDUNGAN:

KADAR CUKAI TANAH SEMAKAN 2026	-	1
INSENTIF CUKAI TANAH 2026	-	5
GARIS PANDUAN PERMOHONAN RAYUAN PENGURANGAN CUKAI TANAH / TUNGGAKAN CUKAI TANAH / TUNGGAKAN DENDA LEWAT	-	7
PERMOHONAN PEMBAYARAN CUKAI TANAH DAN TUNGGAKAN CUKAI TANAH SECARA ANSURAN	-	13
KAEDAH PEMBAYARAN CUKAI TANAH DAN CUKAI PETAK DI PULAU PINANG	-	15

KADAR CUKAI TANAH SEMAKAN 2026

DI BAWAH KAEDAH-KAEDAH TANAH PULAU PINANG (PINDAAN) (NO.4) 2025

PENTADBIRAN TANAH NEGERI PULAU PINANG

KADAR CUKAI BAGI TANAH BANDAR

KEDIAMAN
RM0.70/m.p.
dengan sekurang-kurangnya
RM70.00 (minimum)/lot

PERNIAGAAN
RM3.25/m.p.
dengan sekurang-kurangnya
RM325.00 (min)/lot

PERINDUSTRIAN
RM3.25/m.p.
dengan sekurang-kurangnya
RM1,200.00 (min)/lot

LAIN-LAIN
RM0.70/m.p.
dengan sekurang-kurangnya
RM70.00 (min)/lot

George Town - Jelutong - Ayer Itam - Glugor - Bukit Bendera - Tanjong Bungah - Tanjong Tokong - Tanjong Pinang - Batu Ferringgi - Bukit Jambul - Puncak Penara - Perdana Mutiara - Pinang Emas - Bayu Emas - Lembah Permai - Bayan Lepas - Balik Pulau - Bayan Baru - Batu Maung - Sungai Ara - Pulau Silikon - Kepala Batas - Butterworth - Sungai Dua - Teluk Air Tawar - Bertam - Tasek Gelugor - Pokok Sena - Ara Kuda - Bukit Mertajam - Prai - Alma - Bukit Minyak - Bukit Tengah - Bandar Perda - Seberang Jaya - Nibong Tebal - Sungai Bakap - Jawi - Bandar Cassia - Simpang Ampat - Bandar Tasek Mutiara

KADAR CUKAI BAGI TANAH DESA

KEDIAMAN
RM0.50/m.p.
dengan sekurang-kurangnya
RM50.00 (minimum)/lot

PERNIAGAAN
RM2.80/m.p.
dengan sekurang-kurangnya
RM280.00 (min)/lot

PERINDUSTRIAN
RM3.25/m.p.
dengan sekurang-kurangnya
RM1,200.00 (min)/lot

LAIN-LAIN
RM0.50/m.p.
dengan sekurang-kurangnya
RM50.00 (min)/lot

Tanah desa yang merujuk kepada mana-mana tanah yang terletak di luar sempadan tanah bandar

KADAR CUKAI KATEGORI PERTANIAN

GETAH	**RM75.00** per hektar per tahun atau sebahagian daripada hektar
KELAPA SAWIT	**RM99.00** per hektar per tahun atau sebahagian daripada hektar
BUAH-BUAHAN (SELAIN DURIAN)	**RM80.00** per hektar per tahun atau sebahagian daripada hektar
TANAMAN INDUSTRI	**RM60.00** per hektar per tahun atau sebahagian daripada hektar
TANAMAN KONTAN	**RM40.00** per hektar per tahun atau sebahagian daripada hektar
TANAMAN PADI	**RM15.00** per hektar per tahun atau sebahagian daripada hektar
FLORIKULTUR	**RM120.00** per hektar per tahun atau sebahagian daripada hektar
TERNAKAN HAIWAN	• RUMINAN **RM250.00** per hektar per tahun atau sebahagian daripada hektar • UNGGAS **RM500.00** per hektar per tahun atau sebahagian daripada hektar • BABI **RM750.00** per hektar per tahun atau sebahagian daripada hektar • AKUAKULTUR **RM750.00** per hektar per tahun atau sebahagian daripada hektar
DURIAN	**RM800.00** per hektar per tahun atau sebahagian daripada hektar
LAIN-LAIN PERTANIAN	**RM25.00** per hektar per tahun atau sebahagian daripada hektar
KUARI	**RM3.25** / m.p. dengan sekurang-kurangnya **RM1,200.00** (minimum) / lot
RUMAH KAMPUNG	**RM50.00** per lot

KADAR ISTIMEWA



LANDASAN KERETAPI
RM100.00 per lot



LEBUHRAYA BERTOL
RM200.00 per hektar per tahun atau sebahagian daripada hektar



PADANG GOLF
RM2,500.00 per hektar per tahun atau sebahagian daripada hektar



UTILITI
RM3.25 / m.p. dengan sekurang-kurangnya RM1,200.00 (minimum) / lot



PAIP GAS
RM0.50 / m.p.



PAIP MINYAK
RM0.50 / m.p.



PAIP AIR
RM0.22 / m.p.



KAWASAN TADAHAN AIR
RM40.00 per hektar per tahun atau sebahagian daripada hektar



KUARI
RM3.25 / m.p. dengan sekurang-kurangnya RM1,200.00 (minimum) / lot



TANAH MILIK PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN UNTUK TUJUAN AWAM
RM0.54 / m.p. dengan sekurang-kurangnya RM50.00 (minimum) / lot



MASJID, RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM, TANAH KUBUR
RM50.00 Nominal



Kadar cukai untuk tanah *First Grade* atau *Condition* A, B, C atau kategori TIADA hendaklah mengikut kegunaan tanah semasa

INSENTIF CUKAI TANAH 2026

PEMBERIAN INSENTIF CUKAI TANAH

REBAT CUKAI TANAH

TAHUN	REBAT
2026	50%

Cukai yang dikenakan selepas rebat berdasarkan kadar minimum seperti yang diperuntukkan di bawah Kaedah-kaedah Tanah Pulau Pinang (Pindaan)(No.4) 2025 atau mengikut nilai yang lebih tinggi.

PENGECUALIAN TUNGGAKAN DENDA

PENGECUALIAN PENUH (100%) TUNGGAKAN DENDA CUKAI TANAH DAN CUKAI PETAK DALAM TEMPOH
1 JANUARI 2026 - 31 DISEMBER 2026

PENGECUALIAN DENDA LEWAT SEMASA

PENGECUALIAN DENDA LEWAT SEMASA BAGI TAHUN 2026 DI NEGERI PULAU PINANG

- PENGECUALIAN DENDA LEWAT SEBANYAK **10% BAGI CUKAI TANAH** DAN **5% BAGI CUKAI PETAK ATAU BLOK SEMENTARA**.
- PENGECUALIAN DIBERIKAN BAGI BAYARAN YANG DIJELASKAN DALAM TEMPOH **1 JUN 2026** HINGGA **31 MEI 2027**.
- DENDA LEWAT AKAN DIKENAKAN SEMULA BERMULA **1 JUN 2027**.

KADAR NOMINAL

RM50

BAYARAN CUKAI TANAH KADAR NOMINAL RM50.00 SETIAP LOT BAGI TANAH-TANAH KEGUNAAN SEKOLAH DI NEGERI PULAU PINANG

- SEMUA TANAH KEGUNAAN SEKOLAH MILIK PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN.
- SEMUA TANAH SEKOLAH BUKAN MILIK PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN BAGI SETIAP HAKMILIK, KECUALI SEKOLAH ANTARABANGSA.

GARIS PANDUAN PERMOHONAN RAYUAN PENGURANGAN CUKAI TANAH / TUNGGAKAN CUKAI TANAH / TUNGGAKAN DENDA LEWAT

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN BIL. 5/2026 BERTARIKH PADA 17 MAC 2026

(GARIS PANDUAN RAYUAN PENGURANGAN CUKAI TANAH, TUNGGAKAN CUKAI TANAH DAN TUNGGAKAN DENDA LEWAT DI NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2026)

BIL.	PERKARA	PERMOHONAN PENGURANGAN		
		CUKAI TAHUNAN	TUNGGAKAN CUKAI TANAH	TUNGGAKAN DENDA LEWAT
1.	Tanah yang ditanam semula dengan getah, kelapa sawit, kelapa atau pokok buah-buahan di bawah mana-mana skim sejak 6 tahun berakhir atau kurang. • seluruh tanah. • sebahagian tanah.	**Maksimum 50%** (Seluruh tanah) **Maksimum 25%** (Sebahagian tanah) ***kelulusan untuk tahun semasa sahaja.**	**Tiada**	**Tiada**
2.	Tanah-tanah yang diwartakan sebagai:- • Kawasan tadahan air, Enakmen Pembekalan Air 1998 (Perintah Pembekalan Air), (Kawasan Tadahan) 2004.	**Maksimum 25%** ***sehingga semakan akan datang.**	**Tiada**	**Tiada**
3.	Tanah yang digunakan untuk tujuan awam yang tidak mendatangkan keuntungan termasuk jalan persendirian atau jalan yang digunakan oleh orang ramai.	**Maksimum 50%** (kecuali tanah-tanah yang telah dikenakan kadar nominal) ***kelulusan untuk tahun semasa sahaja.**	**Tiada**	**Tiada**

bersambung....

BIL.	PERKARA	PERMOHONAN PENGURANGAN		
		CUKAI TAHUNAN	TUNGGAKAN CUKAI TANAH	TUNGGAKAN DENDA LEWAT
4.	Tanah yang mana-mana pemilik tanah atau waris menghadapi kesukaran disebabkan:- • Kemiskinan (rujuk data e-kasih / i-sejahtera). • Orang Kelainan Upaya (OKU), individu mempunyai tanggungan (OKU), pesakit kronik. • Kurang hasil pendapatan yang ketara akibat bencana atau faktor lain. • Tiada akses jalan masuk / keluar. • Individu atau Syarikat yang bankrap, bubar, digulungkan.	**Maksimum 50%** ***kelulusan untuk tahun semasa sahaja.**	**50%**	**100%**
5.	Tanah yang dimiliki bagi tujuan berikut yang tidak berorientasikan keuntungan:- • Rumah ibadat berdaftar. • Pertubuhan-Pertubuhan agama / kebajikan. • Tanah perkuburan awam. • Lain-lain institusi yang tidak berasaskan keuntungan.	**Nominal RM50.00** ***sehingga semakan akan datang.**	**100%**	**100%**
6.	Bangunan di atas lebih daripada satu (1) lot.	**Mengenakan kadar mengikut kaedah tanah negeri ke atas lot terbesar manakala kadar ke atas lot yang lebih kecil dikira mengikut keluasan semasa lot berkenaan.** ***sehingga semakan akan datang**	**100%** **Tunggakan cukai tanah sebelum tahun 2026 untuk lot yang lebih kecil sahaja.**	**100%**

bersambung....

BIL.	PERKARA	PERMOHONAN PENGURANGAN		
		CUKAI TAHUNAN	TUNGGAKAN CUKAI TANAH	TUNGGAKAN DENDA LEWAT
7.	• Rumah kedai / kediaman bagi skim perumahan yang telah diluluskan pembangunan tanah tetapi tidak dibina (projek terbengkalai). • Projek yang mempunyai kelulusan Kebenaran Merancang (KM) dan projek belum dibina dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh kelulusan.	**Maksimum 25% (pemaju)** **Maksimum 50% (pembeli)** ***kelulusan untuk tahun semasa sahaja.**	**25% (pemaju)** **50% (pembeli)**	**25% (pemaju)** **50% (pembeli)**
8.	Kadar cukai Kuari iaitu RM3.25 hanya dikenakan kepada lot-lot yang mengandungi struktur berkaitan kuari sahaja seperti *crushing plant,* bengkel, stor dan pejabat pengurusan, manakala, lot-lot yang digunakan sebagai zon penampan (*buffer zone*), jalan masuk dan tanah lapang atau kuari yang tidak lagi beroperasi dikenakan kadar cukai bersamaan kadar minimum industri iaitu RM1,200 per lot tertakluk kepada kadar bayaran tidak kurang daripada kadar cukai tanah yang telah dibayar sebelum semakan. ***(Dikecualikan pemberian rebat cukai tanah bagi tahun 2026)**			
9.	Tanah-tanah Kategori Pertanian (Durian) dikenakan kadar Pertanian (Buah-Buahan) sehingga semakan akan datang. ***(Dikecualikan pemberian rebat cukai tanah bagi tahun 2026)**			
10.	Kiraan kadar cukai untuk **Kategori Bangunan (kegunaan Perniagaan)** dan **Kategori Perindustrian** adalah berdasarkan keluasan sebenar dan tidak tertakluk kepada kadar minimum **sehingga semakan akan datang**.			
11.	Kadar cukai nominal sebelum semakan dikekalkan bagi semua lot. Walau bagaimanapun, Pentadbir Tanah diberi kuasa untuk membuat semakan terhadap kadar tersebut sekiranya didapati terdapat perubahan kegunaan tanah atau terdapat justifikasi yang munasabah berhubung penetapan kadar nominal sebelum semakan.			
12.	**Kadar Tertinggi Pertanian** merujuk kepada **Kelapa Sawit (RM99 per hektar)** dan bukan Durian (RM800 per hektar).			

bersambung....

BIL.	PERKARA	PERMOHONAN PENGURANGAN		
		CUKAI TAHUNAN	TUNGGAKAN CUKAI TANAH	TUNGGAKAN DENDA LEWAT
13.	Formula kiraan cukai tanah bagi hakmilik induk bangunan berbilang tingkat yang belum dikeluarkan hakmilik strata adalah seperti formula dalam Arahan PTG Bil.8/2025. Kecuali pembangunan Low Cost (LC) dan Low Medium Cost (LMC) dikira kadar kediaman keseluruhannya.			
14.	Tanah yang terlibat dengan pengambilan tanah dan Borang K telah dikeluarkan atau Pelan Akui (PA) telah diluluskan tetapi hakmilik sambungan belum didaftarkan. Cukai tanah dikenakan ke atas baki keluasan berdasarkan Borang K.			

RAYUAN PENGURANGAN CUKAI TANAH SECARA DALAM TALIAN

MELALUI LAMAN WEB pgland.penang.gov.my



DAFTAR AKAUN PGLAND TERLEBIH DAHULU

Pemohon perlu mendaftar akaun di PgLand terlebih dahulu sebelum mengemukakan permohonan rayuan pengurangan cukai tanah



DAFTAR AKAUN

daftar akaun baharu di pgland.penang.gov.my





LOG MASUK

log masuk ke akaun anda





HANTAR RAYUAN

isi borang rayuan dan muat naik dokumen sokongan

PERMOHONAN PEMBAYARAN CUKAI TANAH DAN TUNGGAKAN CUKAI TANAH SECARA ANSURAN

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN BIL. 7/2026 BERTARIKH PADA 26 MAC 2026 (PERMOHONAN PEMBAYARAN CUKAI TANAH DAN TUNGGAKAN CUKAI TANAH SECARA ANSURAN DI NEGERI PULAU PINANG)

Pihak Berkuasa Negeri di Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Bil.8/2026 pada 11.03.2026 dan disahkan pada hari yang sama telah bersetuju dengan **Penambahbaikan Bayaran Ansuran Cukai Tanah dan Tunggakan Cukai Tanah di Negeri Pulau Pinang Tahun 2026**. Arahan ini mula berkuatkuasa serta-merta.

Arahan Pengarah Tanah dan Galian Bil.4/1988: Tatacara Bayaran Tunggakan Cukai Tanah Secara Ansuran adalah **dibatalkan dan digantikan sepenuhnya** dengan Arahan baharu Pengarah Tanah dan Galian Bil.7/2026.

Jumlah cukai tanah semasa serta tunggakan cukai tanah dibenarkan untuk dijelaskan secara ansuran, tertakluk kepada **syarat-syarat** yang ditetapkan iaitu pemohon hendaklah **menjelaskan bayaran pendahuluan sebanyak sepuluh peratus (10%) daripada jumlah keseluruhan cukai yang perlu dibayar** atau **apa-apa amaun lain yang ditentukan atas budi bicara Pentadbir Tanah** sebagai tanda komitmen sebelum kelulusan bayaran secara ansuran dipertimbangkan.

Bayaran secara ansuran boleh dipertimbangkan dengan tempoh bayaran **tidak melebihi dua belas (12) bulan** dan **hendaklah diselesaikan sepenuhnya dalam tahun semasa**. **Tiada denda lewat yang dikenakan** selagi ansuran dibayar mengikut jadual. Sekiranya pemohon **gagal mematuhi jadual bayaran ansuran**, kelulusan tersebut **terbatal secara automatik dan akan dianggap sebagai cukai tertunggak** sekiranya kegagalan tersebut berlaku **selepas 31 Mei tahun** kalendar.

KAEDAH PEMBAYARAN CUKAI TANAH DAN CUKAI PETAK DI PULAU PINANG

KAEDAH PEMBAYARAN CUKAI TANAH DAN CUKAI PETAK DI NEGERI PULAU PINANG

1

PgLAND

Layari laman web:

pgland.penang.gov.my

2

Kunjungi Kaunter Hasil

Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Timur Laut

Tingkat 50 dan 51, KOMTAR, 10000 Pulau Pinang
No. Telefon : 04-650 5523

Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Barat Daya

11000, Balik Pulau, Pulau Pinang
No. Telefon : 04-868 9400

Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Seberang Perai Tengah

Jalan Betek, Sungai Rambai, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang
No. Telefon : 04-548 8888

Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Seberang Perai Selatan

14200, Sungai Jawi, Pulau Pinang
No. Telefon : 04-585 7800

Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Seberang Perai Utara

Bertam, 13200 Kepala Batas, Pulau Pinang
No. Telefon : 04-577 6500

IMBAS KOD QR UNTUK MENDAPATKAN BOOKLET CUKAI TANAH PULAU PINANG TAHUN 2026



“Ke arah sistem pengurusan dan pentadbiran tanah yang cekap dan berkesan sebagai pemangkin pembangunan Negeri Pulau Pinang”

PENTADBIRAN TANAH NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan oleh : UNIT HASIL

TARIKH KEMASKINI : 01 JULAI 2026